



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**



No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JP/36/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 14 UNIT KIOS PENJAJA
BERBENTUK *FOOD TRAILER* LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN MEMASAK BAGI
KIOS PENJAJA DI WILAYAH PERSEKUTUAN (WP) PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah kod bidang **110106 Kenderaan Kegunaan Khusus**.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **9 Jun 2023, jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Bakawali, Blok B, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **9 Jun 2023** hingga **14 Jun 2023** oleh wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran MOF**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **16 Jun 2023 (Jumaat)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(**NIK SHUKRI BIN NIK SOH**)

Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Perbadanan Putrajaya